

PROSES BELI KERETA

Apa yang perlu anda tahu sebelum mula memasang impian memiliki kereta.



Versi percuma, tidak boleh dijual



AMARAN!

Ebook ini ditulis dengan penuh dedikasi untuk memberi ilmu yang berguna kepada masyarakat awam kerana topik ini dekat di hati saya. Ebook ini cukup untuk panduan anda mendapatkan kereta. Jadi jangan sebarkan ebook ini secara terus kepada orang lain kecuali hanya melalui laman web rasmi sahaja iaitu

<https://ispeedautomotive.com/ebookprosesbelikereta/>

Jika anda rasa ebook ini awesome, sempoi gila dan rasa nak share dengan kawan-kawan lain, sila berikan link laman web tersebut kepada mereka.

Boleh?

Saya tahu anda juga manusia yang baik dan penuh adab. Jadi perkara sebegitu tak akan berlaku kepada anda bukan?

Semoga ebook ini benar-benar memberi ilmu yang padu dan membantu anda lulus loan dengan cemerlang. In sya Allah.

Selamat membaca!

Versi percuma, tidak boleh dijual



Khas Untuk Anda Yang Ingin Membeli Kereta Tetapi Tidak Tahu Dimana
Hendak Bermula



Versi percuma, tidak boleh dijual

KANDUNGAN

Mengenai Penulis	4
PENDAHULUAN	6
#8 STEP PROSES BELI KERETA BARU YANG MESTI ANDA TAHU!	7
KENA TAHU #8 SYARAT KELAYAKAN ASAS UNTUK ELAK LOAN KERETA ANDA KECUNDANG AWAL	13
TIADA RAHSIA - Gaji Minimum Yang Bank Terima	16
Apakah perbezaan gaji pokok (basic salary). gaji kasar (gross salary) dan gaji bersih (net salary)?	16
Jadi gaji yang mana satu Bank akan nilai? Gaji bersih, gaji kasar atau gaji pokok?	17
Gaji Minimum Untuk Membeli Kereta bagi Individu Berpendapatan Tetap:	17
Gaji Kasar (Gross Salary) Minimum Untuk Membeli Kereta bagi Individu Berpendapatan Tidak Tetap (Variable Earner)	18
Apakah Gaji Bersih (Net Salary) Minima yang Bank Terima?	19
Apakah Elaun Yang Tidak Diambil Kira Oleh Pihak Bank?	20
Adakah Bank Mengira Bonus?	20
Debt Service Ratio (DSR)	21
PENUTUP	23

*Baca sehingga habis naskah ini untuk anda faham sepenuhnya mengenai proses beli kereta.

*Bab “#8 Syarat Asas Kelayakan” ialah bab yang paling best untuk dibaca, ia akan memudahkan storyline case anda.

Versi percuma, tidak boleh dijual

Mengenai Penulis



En Azeri Azaman

Berpengalaman bekerja di dua bank utama Malaysia sebagai Senior Hire Purchase Officer dan kini sebagai Professional Sales Consultant G-Mart Group, memberikan kelebihan kepada beliau untuk memberi tunjuk ajar dan nasihat dari sudut pinjaman bank dan pemilikan kereta baru anda.

Pencapaian Akademik beliau:

UPSR: 5A

PMR: 8A

SPM : 6A 1B 3C

Degree: 3.46 pngk

Bersekolah di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh dan mendapat



Versi percuma, tidak boleh dijual
tawaran ke Matrikulasi Melaka dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke
Universiti Malaysia Perlis.

Pengalaman beliau:

1. Public Bank – Senior Hire Purchase Officer
2. Ambank – Senior Hire Purchase Officer
3. Professional Sales Advisor – GMART Group

Versi percuma, tidak boleh dijual



PENDAHULUAN

Untuk permulaan, topik proses membeli kereta ini besar sebenarnya dan memerlukan kefahaman dalam setiap step untuk memastikan setiap proses dari memilih kereta hingga mendapatkan kereta berjalan lancar. Topik yang kita akan cover dalam ebook ini ada yang general dan ada yang specific sikit. Topik yang akan diberi penekanan ialah di bahagian syarat asas kelayakan dan kiraan gaji untuk apply loan. Jadi mari kita mulakan topic proses membeli kereta secara umumnya dahulu.

Versi percuma, tidak boleh dijual



#8 STEP PROSES BELI KERETA BARU YANG MESTI ANDA TAHU!

1. KENAL STATUS ANDA

Perkara pertama yang anda perlu lihat CCRIS Report anda. Payment untuk previous loan cantik tak? Kalau anda FIRST TIME loan, CCRIS Report anda tak ada sebarang transaction. Check ada tak SPECIAL ATTENTION ACCOUNT. Jika ada sila selesaikan dulu. Selalunya bank akan reject. CCRIS Report boleh check di Bank Negara (BNM), secara online di website BNM atau boleh check dengan iSpeed Team.

Check COMMITMENT anda. Berapa loan ada dalam CCRIS Report. Tambah monthly income untuk setiap loan. Berapa commitment monthly?

Check debt ratio. COMMITMENT dibahagikan dengan GAJI BERSIH anda dan darab 100%..Kalau 70% ke atas certain bank sahaja akan accept tu pon depends on situation. Cara pengiraan saya akan terangkan di topic Debt Ratio nanti.

Ingat balik kalau-kalau pernah ada hutang tak bayar. Contohnya TELEKOM, internet, bil telefon, motor dan lain-lain. If ada, settlekan dulu. Baru senang nak masuk loan. Certain bank sahaja accept CTOS itupun bergantung kepada keputusan bank.

Versi percuma, tidak boleh dijual



Kerja apa?

Dah berapa lama kerja? Untuk yang baru kerja dan ada diploma or degree boleh apply [**SKIM GRADUAN**](#). Dapatkan ebook 15 Rahsia Lulus Skim Graduan di sini <https://ispeedautomotive.com/skimgraduan/>

Adakah anda rasa anda mampu if tambah commitment baru? Kira semula debt ratio lepas tambah commitment baru.

2. SALES ADVISOR

Pastikan sales advisor yang sah, bukan broker ataupun third party. Elakkan berurusan dengan third party ataupun broker kerana jika terjadi sebarang masalah, mereka tidak dapat dipersalahkan disebabkan mereka tidak terikat dengan dealer ataupun brand itu.

Untuk memastikan sales advisor itu wujud dan syarikatnya wujud, lakukan sedikit research di google. Cari nama syarikat, nama sales advisor dan tengok testimony mereka.

Pentingnya sales advisor yang sah dan berpengalaman ialah mereka akan menjaga anda selama 9 tahun loan anda. Bukannya selesai beli kereta, terus hilang. Jika ada perkara berkaitan bank, accident ataupun ada kesusahan mengenai kereta baru anda, mereka lah tempat rujukan yang terbaik.



Versi percuma, tidak boleh dijual
Selalunya sales advisor yang berpengalaman akan menjaga hubungan setiap pelanggan yang ada.

Semasa perbincangan, keputusan kedua-dua belah pihak mestilah sama supaya tidak membawa masalah atau ketidakpuashatian di kemudian hari. Deal mengenai free gift, diskaun ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan pembelian haruslah dipersetujui semasa diawal perbincangan.

Sedikit tips bagi anda, untuk mengelakkan urusan pembelian kereta yang tidak lancar, elakkan terlalu focus kepada free gift yang banyak. Ingat, anda membeli kereta dan bukan membeli free gift. Free gift datangnya dari gaji sales advisor itu sendiri. Bukannya pihak syarikat ada sponser. Jadi jika anda meminta portion yang banyak dari gaji sales advisor itu, kemungkinan besar ada part yang anda akan rugi disebabkan sales advisor itu hendak cover balik gaji dia.

Another tips is banyakkkan bertanya sehingga anda puas hati lagi-lagi berkaitan bank. Tanya bank apa yang nak submit dan chances untuk lulus. Elakkan dari sales advisor itu tembak saja semua bank yang ada. Ini hanya akan merosakkan rekod previous inquiry anda di CCRIS Report. Maximum 3 bank sahaja. Seorang sales advisor yang berpengalaman akan dapat menilai setiap case dan apply pada bank yang ada chances untuk lulus sahaja.

3. PENYERAHAN DOKUMEN KEPADA SA / BANK

Setiap case berlainan keperluan dokumen. Ada yang memerlukan dokumen tambahan. Sales Advisor anda akan meminta basic dokumen yang diperlukan



Versi percuma, tidak boleh dijual seperti ic, lesen, 3 bulan slip gaji, 3 bulan bank statement. Lebih dari itu adalah dokumen tambahan untuk memperkuat lagi case anda.

Dokumen anda boleh serah sendiri pada bank jika privacy menjadi keutamaan anda. Tak semestinya kena beri pada sales advisor. Sales advisor hanya perlu memberi VSO pada bank, dan bank sendiri akan call anda untuk meminta dokumen untuk proses selanjutnya.

4. BANK

Bank akan interview anda. Approve, reduce or reject. Bank tak boleh bagi keputusan serta merta semasa interview. Ambil masa 2 3 hari bergantung kepada service bank tersebut dan tahap kepayahan case anda. Makin susah makin lama sebab banyak stage yang kena clear.

Anda juga boleh menyerahkan supporting document untuk bank membuat penilaian semula status loan anda sekiranya loan anda reject atau bank sendiri yang minta.

Sedikit tips, approval case bergantung juga pada networking sales advisor anda. Ada case yang reject pada sekian sales advisor tetapi pada sales advisor yang lain approve pula walaupun sama bank yang dihantar.



Versi percuma, tidak boleh dijual

5. SIGN AGREEMENT

3 tempat yang anda boleh sign agreement. Di luar, di bank dan di dealer. Setkan masa dan tempat supaya proses ini berjalan lancar kerana banker hari hari sibuk.

Check loan amount, interest rate dan berapa tahun pinjaman.

Setuju boleh sign. Agreement semua bank standard saja. Jangan risau. Kalau tak bayar kena tarik macam biasa.

6. PAYMENT

Confirmkan dengan dealer berapa jumlah yang perlu dibayar including downpayment, booking dan lain-lain. Confirmkan betul-betul!

Tunggu sebelum kereta nak register baru settlekan payment.

7. ORDER KERETA

Fasa ini anda perlu menunggu. Jika kereta anda HOT SELLING CAR, maka anda bersabarlah sebab customer lain pon masuk dalam waiting list.

Dealer akan settle registration kereta.



Versi percuma, tidak boleh dijual

8. DELIVER

SA akan sediakan kereta anda mengikut kehendak anda dan persetujuan semasa perbincangan awal.

Anda sudah boleh ambil kereta.

Versi percuma, tidak boleh dijual



KENA TAHU #8 SYARAT KELAYAKAN ASAS UNTUK ELAK LOAN KERETA ANDA KECUNDANG AWAL

Syarat Kelayakan Asas adalah hampir sama untuk setiap bank. Jadi kena make sure anda lepas syarat-syarat ini dulu.

1. Warganegara: Malaysia

Pastikan anda warganegara Malaysia sebab senang nak membuat pinjaman. Warganegara luar boleh juga membeli kereta tapi selalu nya cash ataupun 70% sahaja mereka boleh pinjam. Yang pegang kad merah masih boleh pinjam loan kereta tapi selalunya bank akan minta guarantor.

2. Umur: 23 Tahun ke atas

Sekurang-kurang nya 23 tahun ke atas sebab bank percaya anda dah boleh mula berdikari. Untuk SKIM GRADUAN selalunya grad semasa umur 23 Tahun. Bawah 23 tahun boleh mohon pinjaman, tapi bank selalunya akan minta guarantor.

3. Track Record di CCRIS

Sekurang-kurangnya pernah buat satu pinjaman contohnya ASB, credit card, motorsikal AEON. Kalau tak ada track record untuk graduan boleh cuba SKIM GRADUAN. Selain ini, bank selalunya akan minta guarantor. Track record mestilah cantik kalau tak sia-sia ada track record. Lagi satu cara untuk apply jika track record kosong adalah bekerja sekurang-kurangnya 1 tahun.



4. Gaji Kasar (Basic + Elaun) RM2,000 ke atas

Untuk yang nak memohon loan tanpa guarantor. Untuk yang ada guarantor, pastikan gaji bersih anda sekurang-kurangnya RM1600. Kalau kurang bank akan fikir, kos nak bela kereta saja dah sebahagian gaji anda. Nak makan apa? Lagi-lagi yang tinggal di bandar. Walaupun anda ada backup seperti business tapi selagi anda tak boleh buktikan itu satu income bulanan anda pada bank, sia-sia saja cakap semasa processing officer call.

5. Slip Gaji

Slip gaji mestilah tally dengan bank statement atau EPF statement anda. Untuk yang bekerja kerajaan, bank statement @ EPF statement boleh skip. Ada EPF, SOCSO dan nilai nya betul dan selari dengan gaji anda. Untuk yang menerima gaji secara cash, pastikan ada potongan EPF.

6. Tiada Blacklist CCRIS & CTOS

Sebab tu kena check CCRIS. Rajin-rajin la pergi Bank Negara. Tapi kalau anda nak tahu cara lain boleh contact saya. Kalau ada blacklist, bank akan reject maka sia-sia lah kerja anda prepare document selama ini. Ada certain kes saja bank terima dan bergantung sepenuhnya atas budi bicara manager yang luluskan loan. Sekarang ni ada kemudahan untuk check CCRIS secara online.



Versi percuma, tidak boleh dijual

7. Dokumen Original

Dokumen original maksudnya anda tak adjust dokumen anda bagi gaji naik ke apa ke. Lengkap dan ada extra document untuk memudahkan processing officer proses loan kereta anda dengan cepat. Kalau tak lengkap lambatlah proses loan anda.

8. Pekerjaan

Bekerja tetap dan sekurang-kurangnya setahun bekerja. Untuk yang kurang tempoh pekerjaan masih ada option lain.

Versi percuma, tidak boleh dijual



TIADA RAHSIA - Gaji Minimum Yang Bank Terima

Apakah perbezaan gaji pokok (basic salary), gaji kasar (gross salary) dan gaji bersih (net salary)?

Gaji Pokok (Basic Salary)

1. Gaji pokok atau "basic salary" ialah gaji asas yang diberi oleh pihak syarikat. Jumlahnya tetap setiap bulan.

Gaji Kasar (Gross Salary)

1. Gaji Kasar atau "gross salary" ialah jumlah keseluruhan gaji yang anda terima untuk bulan-bulan yang berlainan.

2. Jumlah keseluruhan gaji kasar termasuklah gaji pokok + elaun / overtime (OT) / Komisyen (Commision) / Claim / Bonus

Gaji Bersih (Net Salary)

1. Gaji bersih atau "net salary" ialah jumlah yang tinggal selepas ditolak perbelanjaan anda.

2. Perbelanjaan ini bermaksud KWSP , SOCSO, Tax dan lain-lain lagi.

3. Formulanya ialah Gaji Kasar - Perbelanjaan = Gaji Bersih



Jadi gaji yang mana satu Bank akan nilai? Gaji bersih, gaji kasar atau gaji pokok?

1. Jawapannya ketiga-tiga gaji bank akan diambil kira dalam permarkahan (scoring) anda.
2. Secara umumnya pendapatan individu terbahagi kepada dua iaitu individu berpendapatan tetap (fixed earner) dan individu yang berpendapatan tidak tetap (variable earner)

Gaji Minimum Untuk Membeli Kereta bagi Individu Berpendapatan Tetap:

1. Gaji Pokok (Basic Salary) = RM2,000 tanpa komitmen lain

Untuk individu jenis berpendapatan tetap ialah RM2,000 jika individu itu tidak mempunyai elaun tetap yang lain.

2. Gaji Pokok (Basic Salary) + Elaun Tetap (Fixed Allowance) = RM2,000 tanpa komitmen lain.

Selalunya untuk yang bekerja kerajaan, elaun tetap banyak tetapi gaji pokok dalam lingkungan RM1,500. Jangan risau. Bank masih terima selagi gaji pokok dan elaun tetap anda melebihi RM2,000.



Versi percuma, tidak boleh dijual

3. Gaji Pokok + ((Elaun Tidak Tetap (Variable Allowance) x 75%)) = RM2,000 tanpa komitmen lain.

Untuk individu yang ada elaun seperti bayaran kerja lebih masa (overtime), maksimum yang bank boleh terima ialah 75% dari jumlah bayaran "overtime" anda. Contohnya anda overtime anda untuk bulan ini ialah RM100. Maksimum yang bank boleh kira dan masukkan dalam pengiraan gaji anda ialah RM75. Jadi katakanlah gaji pokok (basic salary) anda ialah RM1900. Pengiraannya seperti dibawah:

$$RM1,900 + RM75 = RM1975$$

Setiap bank lain peratus overtime yang diambil. Ada bank yang hanya ambil 40% sahaja. Maksimum yang saya jumpa ialah 75%. Untuk selamat, anda boleh membuat pengiraan dalam 60% sahaja.

Gaji Kasar (Gross Salary) Minimum Untuk Membeli Kereta bagi Individu Berpendapatan Tidak Tetap (Variable Earner)

1. Gaji Pokok + (Elaun Tidak Tetap x 75%) = RM2,000 tanpa komitmen lain
2. Elaun tidak tetap seperti komisyen jualan, bank hanya kira 75% ke bawah sahaja. Cara pengiraannya ialah ambil 6 bulan slip gaji anda. Tambahkan semua komisyen yang anda dapat dan bahagikan dengan 6 untuk mendapat purata komisyen yang anda dapat setiap bulan. Kemudian darabkan dengan 75% dan tambahkan kembali dengan gaji pokok anda jika ada. Contoh pengiraan:

Gaji pokok = RM1000

Komisyen Januari = RM2,000



Versi percuma, tidak boleh dijual
Komisyen Februari = RM3,000

Komisyen March = RM4,000

Komisyen April = RM1,000

Komisyen May = RM3,000

Komisyen Jun = RM2,000

Jumlah keseluruhan = RM15,000 untuk tempoh 6 bulan

$RM15,000 / 6 \text{ bulan} = RM2,500$ purata komisyen yang diterima setiap bulan.

$RM1,000 + RM 2,500 = RM3,500$ purata gaji setiap bulan.

3. Jadi gaji yang bank kira untuk dimasukkan ke dalam sistem ialah RM3,500 untuk individu ini.

Apakah Gaji Bersih (Net Salary) Minima yang Bank Terima?

1. Gaji bersih yang bank terima ialah selepas anda tolak epf, socso, dan komitmen lain seperti pinjaman peribadi, pinjaman kereta baru, gaji bersih anda hendaklah melebihi RM1,200 dan ke atas.
2. RM1,200 ialah jumlah minimum untuk individu yang tinggal di kawasan kampung. Untuk yang tinggal di bandar sekurang-kurangnya RM1,400. Ini dipanggil kos sara hidup atau living cost.



3. Dari sudut pandangan bank, jika diberi pinjaman untuk individu yang bergaji kurang dari RM1,400 bagaimana individu tersebut mahu membayar kos membela kereta. Kos membela kereta ialah kos servis, kos bayaran bulanan kereta, kos tol, kos parking, kos roadtax & insurance, kos minyak.

4. Kos untuk hidup individu itu seperti makan, minum, tempat tinggal, telefon sudah dalam anggaran RM1,000 minimum. Jika individu itu sudah berkahwin, lagi tidak logik jika masih memberi pinjaman.

Apakah Elaun Yang Tidak Diambil Kira Oleh Pihak Bank?

1. Elaun yang tidak diambil kira ialah elaun seperti elaun pengangkutan, elaun telefon, dan klaim (claim).

Adakah Bank Mengira Bonus?

1. Ada bank yang kira dan ada bank yang tidak mengambil bonus sebagai pendapatan.

2. Kiraan untuk bonus ialah $\text{Bonus} \times 60\% = \text{Jumlah akhir bonus}$.

Versi percuma, tidak boleh dijual



Debt Service Ratio (DSR)

Step 1: Check di CCRIS apa commitment yang anda ada.

Contohnya, jika di CCRIS anda ada loan rumah, loan kereta, atau credit card. Senaraikan.

Step 2: Kira bayaran bulanan setiap commitment di CCRIS.

Campurkan loan rumah, loan kereta atau credit card. Jumlahkan kesemuanya.

Step 3: Check di loan calculator berapa commitment bulanan untuk kereta baru anda.

Masukkan jumlah loan dan bukannya harga kereta.

Step 4: Tambahkan commitment baru

Commitment Baru + Commitment lama = TOTAL A

Step 5: Kira Gaji Bersih



Versi percuma, tidak boleh dijual
(Gaji Kasar + Allowance + OT) - (EPF + SOCSO) = TOTAL B

Step 6: Pendapatan Lain

Jika anda ada pendapatan bulanan lain contohnya bisnes, rumah sewa, fixed deposit dan lain.

bisnes + sewa rumah = TOTAL C

Step 7: TOTAL B + TOTAL C = TOTAL BC

Step 8: Kira Debt Ratio

TOTAL A / TOTAL BC X 100% = Debt Ratio

Debt ratio menentukan hutang yang anda ada compare dengan gaji anda.

Kebanyakan bank menetapkan jumlah **maximum debt ratio sebanyak 70%.**

Jumlah debt ratio yang sihat adalah 40% - 60%.

Versi percuma, tidak boleh dijual



PENUTUP

Walaupun banyak kedengaran diluar sana betapa mudahnya membeli kereta baru dan mendapatkan pinjaman bank akan tetapi ramai masih tidak mengetahui syarat-syarat dan kelayakan sebenar serta proses-proses yang terlibat.

Disini saya mengabungkan panduan dari beberapa bank dan melalui pengalaman saya bagi memudahkan anda membeli kereta kemudian hari.

Diharapkan dengan ilmu yang berguna hasil pengalaman saya bertahun-tahun membantu ramai orang memiliki kereta, dapatlah digunakan sebaik mungkin oleh anda.

Ini hanya panduan sahaja, jika anda ingin terus mendapatkan kepastian sila terus hubungi team saya.

p/s: saya ada 1 offer special untuk anda yang baca ebook ini. Sila teruskan pembacaan.



Versi percuma, tidak boleh dijual

**OFFER KHAS PEMBACA EBOOK 3 BAB UTAMA, 24
PERKARA PENTING PROSES BELI KERETA BARU YANG
TIADA SALES ADVISOR BERANI BERITAHU**

“100% PERCUMA

PAKEJ PREMIUM KONSULTANSI KELAYAKAN

LOAN

BERNILAI RM206!”

Apa yang anda akan dapat?

Banker Diagnosis Report (RM50)

+

CCRIS Report (RM26)

+

Konsultasi (RM50)

+

Premium Quotation (RM80)



Versi percuma, tidak boleh dijual

FLOW PAKEJ PREMIUM KONSULTANSI KELAYAKAN

Ini adalah journey yang anda akan lalui apabila berurusan dengan kami. Diharapkan di akhir journey ini, anda akan mendapat jawapan yang tepat mengenai kelayakan case anda.

PERHENTIAN 1: Banker Questions Form

Di perhentian pertama, anda akan menjawab soalan-soalan yang kami sediakan dan akan ada soalan-soalan tambahan untuk kami merumuskan case anda. Soalan-soalan ini merupakan soalan-soalan yang penting ditanya semasa interview di bank dan merupakan faktor pemberat di dalam scoring system bank. Ada juga diantara soalan soalan ini di ambil terus dari interview form bank. Jawab setiap soalan yang ditanya seberapa details yang boleh.

PERHENTIAN 2: CCRIS Report

Jika case anda memerlukan kami untuk meneliti CCRIS Report anda, kami boleh direct check CCRIS Report. Ini merupakan salah satu kelebihan yang diberikan kepada kami dan anda tak akan jumpa mana-mana sales advisor yang boleh tolong anda check kan CCRIS Report. Yang paling best, untuk anda para graduan, kami berikan secara percuma sahaja. Jika anda nak check secara online, ada charge yang dikenakan. CCRIS Report ini tersangat membantu bila case anda susah. Jadi, jika kami memerlukan CCRIS Report anda, ada perkara yang perlu kami teliti.



Versi percuma, tidak boleh dijual

Facilities Detail :

No	Date/R&R	Sts	Capacity	Facility	Total Outstanding Balance (RM)	Date Balance Updated	Limit/ Installment Amount (AM)	Col Type	Last 12 Months Payment Records												LGL STS	Date Status Updated		
									2019						2018									
Purchaser 1									N	O	S	A	J	J	M	A	M	F	J	D				
Outstanding Credit																								
1	22/07/2015		Own				42400	30	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
			O	PCPASCAR	26355	31/10/2019	506		-	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2			
2	13/12/2018		Own				20000		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
			O	PELNFNCE	19033	31/10/2019	225		-	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0		

Commitment :

Purchaser	Housing	Car	Personal	Credit Card	Others
MU	0 (0)	506 (1)	225 (1)	0 (0)	0 (0)

Advise :

Customer has 1 Car Loan, 1 Personal Loan.

Figure 1 Example of CCRIS Report

PERHENTIAN 3: Banker Diagnosis Report

Setelah kami kira semua aspect dan key in dalam system kami dan Banker Diagnosis Report akan di-generate. Untuk mendapatkan jawapan yang tepat, pihak yang terlibat dalam team kami ialah sales advisor yang berpengalaman, banker-banker dan ex-banker. Sebab tu kami kenakan charge untuk setiap Banker Diagnosis Report yang keluar. Cuma special untuk anda kali ini kami berikan secara percuma khas untuk anda supaya anda dapat tahu problem, penyelesaian dan bank mana yang sesuai untuk case anda.



Versi percuma, tidak boleh dijual

BANKER DIAGNOSIS REPORT		
NAME	:	[REDACTED]
GROSS INCOME	:	MYR 2,900.00
NET SALARY	:	MYR 2,430.00
TOTAL COMMITMENT	:	MYR -
TOTAL NET INCOME	:	MYR 2,430.00
BALANCE SALARY	:	MYR 1,980.00
DSR	:	16%
NDI	:	19%
MAX MONTHLY	:	MYR 1,030.00
PROBLEM		
[REDACTED]		
SUGGESTION		
[REDACTED]		

8

Figure 2 Banker Diagnosis Report

PERHENTIAN 4: Premium Quotation

Jika anda bernasib baik, anda akan mendapat Premium Quotation dan ini bermakna kami mahu membantu anda. Polisi kami tidak membenarkan kami mengambil case yang kami tidak pasti boleh lulus atau tidak. Bila kami beri quotation bermaksud kami ada keyakinan terhadap case anda. Ini bukan quotation harga yang biasa-biasa. Objektif quotation ini ialah membantu anda membuat keputusan yang terbaik dari aspek kewangan dan memahami setiap part dalam proses membeli. Bermuka surat sekurang-kurangnya 21 page dengan font size 10, jadi ada banyak perkara yang dibincangkan di dalam quotation itu.

Antara perkara yang dibincangkan details on the road price, cost ownership, loan comparison, purchasing process dan lain-lain. Ada juga pelanggan kami yang skip quotation kerana perlu membayar RM80 dan terus ke part document tapi dengan syarat kami mahu menerima case dia. Tetapi untuk para graduan yang pertama kali membeli kereta, dan kami hanya mahu menolong merealisasikan impian anda tetapi dengan memastikan keputusan yang anda buat tepat dari sudut kewangan, kami berikan secara PERCUMA!



Versi percuma, tidak boleh dijual
Sebagai nilai tambah jika anda memerlukan, kami juga mempunyai Financial Advisor berpangkat Assistant Manager di bank dalam team kami yang boleh membantu anda merancang kewangan dengan baik.

**Jangan tunggu lagi, grab offer Pakej Premium
Konsultasi Kelayakan di 011-6971 5939**

+

**Claim Hadiah Tambahan Istimewa untuk yang cepat
bertindak (24 jam setelah download ebook), Solar
Tinted valued RM998 apabila membeli dengan kami!**